

## 385 pelajar KUTKM terima anugerah

Archival News | Berita Harian | 01/02/2006

SERAMAI 385 pelajar Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM)

menerima sijil Anugerah Kepujian Dekan bagi semester II sesi 2004/2005.

Anugerah disampaikan Rektor KUTKM Profesor Datuk Ismail Hassan. Hadir sama Timbalan Rektor (Akademik dan Pengantarabangsaan), Prof Dr Abu Abdullah dan Timbalan Rektor (Penyelidikan & Pengkormesilan/Inovasi) Profesor Madya Datuk Dr Abu Bakar Mohd Diah.

Terdahulu dalam ucapannya, Ismail, berkata bilangan penerima anugerah kali ini meningkat sekali ganda berbanding hanya 180 pelajar semester lepas.

Katanya, ia menunjukkan KUTKM sentiasa komited dalam melahirkan graduan

terbaik demi mencapai matlamatnya menyediakan tenaga kerja yang mahir dan

berwibawa.

"Kejayaan ini juga akan menjadi perangsang kepada pelajar lain belajar bersungguh-sungguh bagi menepati sasaran kementerian iaitu 100 graduan dari setiap fakulti menamatkan pengajian mereka dengan cemerlang," katanya.

Ismail berkata, kerjasama staf akademik dan sokongan padu semua pihak dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelajar telah membantu mereka memperoleh purata nilai gred kumulatif (CGPA) 3.5 ke atas.

Mengenai kepentingan penguasaan bahasa Inggeris, Ismail menasihatkan pelajar supaya meningkat usaha menguasai bahasa berkenaan dengan mempelbagaikan bahan bacaan yang diambil.

(END) Source : Berita Harian